

29/05/2001

KL cadang wujud kumpulan pakar

Manja Ismail; Mokhtar Alias in Jakarta

JAKARTA, Isnin - Malaysia mencadangkan pembentukan kumpulan pakar bagi mengkaji kerangka kewangan antarabangsa berikutan kebimbangan berulangnya krisis ekonomi 1997.

Cadangan itu akan dikemukakan dalam Sidang Puncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang akan dirasmikan oleh Presiden Abdurrahman Wahid, di sini Rabu ini.

Menteri Luar, Syed Hamid Albar, berkata kumpulan pakar itu bertanggungjawab untuk meneliti kedudukan sektor kewangan antarabangsa dan bagaimana ia boleh disesuaikan dengan perkembangan semasa.

"Perubahan itu perlu bagi memastikan sistem global menjadi lebih telus dan bertanggungjawab, bukan saja kepada sektor awam tetapi terhadap sesiapa saja yang terbabit," katanya.

Beliau tiba di sini malam tadi untuk menghadiri mesyuarat menteri luar Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di sini hari ini sebelum sidang puncak selama dua hari pada Rabu dan Khamis ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini petang esok untuk menyertai enam lagi ketua negara/kerajaan yang mengesahkan kehadiran mereka, termasuk Presiden Abdurrahman Wahid di sidang puncak kali ini.

Perdana Menteri dijadualkan menyampaikan ucapan mewakili pemimpin Asia dalam pertubuhan kerjasama negara membangun yang kini mempunyai 19 anggota itu.

Ketua negara/kerajaan lain yang dijangka hadir ialah Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo; Presiden Senegal, Abdoulaye Wade; Presiden Venezuela, Hugo Chavez; Presiden Jamaica, James Patterson dan Perdana Menteri Mesir, Atef Ebeid.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe yang sebelum ini mengesahkan keahadirannya, dilaporkan terpaksa membatalkannya berikutan kematian Menteri Pertahanan negara itu, Moven Mahachi.

Negara lain dijangka diwakili sama ada oleh timbalan ketua negara/kerajaan atau menteri luar masing-masing.

Syed Hamid berkata, masalah ekonomi yang melanda Asia dan negara membangun sudah berlalu dan kini masanya untuk memberi peluang kepada pakar bagi mengkaji kesan serta bagaimana mengelaknya berulang.

Katanya, Malaysia mahu G15 menjadi forum pembentukan kumpulan pakar itu kerana negara anggotanya tidak banyak, yang lebih mudah untuk mencapai keputusan.

Forum itu nanti akan memberi peluang kepada negara anggota, yang mewakili negara membangun secara keseluruhan.

(END)